



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.54/2019

177 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.186 SANDAKAN DIKELUARKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada hari ini, 28 April 2019 telah mengeluarkan sebanyak **177 kertas undi pos** bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan. Pengeluaran kertas undi pos bermula pada jam 11.00 pagi dan dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di **Dewan Persidangan Tingkat 1, Wisma Perbandaran Sandakan** meliputi kategori undi pos seperti berikut:

- i. Seramai **5 orang Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara** yang terdiri daripada penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangannya serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangannya di New Zealand, Nepal dan Korea Selatan.
- ii. Seramai 172 orang pengundi yang terdiri daripada **petugas pilihan raya** (Borang 1A).
- iii. Tiada permohonan diterima bagi kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) dan kategori Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan).

2. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil-wakil calon daripada **Parti Tindakan Demokratik (DAP)**, **Parti Bersatu Sabah (PBS)** dan **BEBAS**.

3. SPR juga telah menjemput pemerhati-pemerhati pilihan raya yang dilantik untuk menyaksikan proses pengeluaran kertas undi pos itu. Pemerhati daripada **Majlis Belia Malaysia (MBM)** dan **Institut Darul Ehsan (IDE)** turut hadir semasa proses tersebut.

4. Proses pengeluaran kertas undi pos bagi PRK Parlimen P.186 Sandakan ini telah disiarkan secara live streaming di Facebook SPR bagi menunjukkan proses tersebut dilakukan secara telus dan adil. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman masyarakat awam mengenai proses pilihan raya.

5. Sampul keutamaan undi pos PTH luar negara telah diserahkan kepada pihak Pos Malaysia pada hari yang sama untuk dihantar kepada pengundi-pengundi terbabit. Manakala sampul keutamaan undi pos bagi petugas SPR akan diserahkan oleh Pegawai Pengurus mulai esok.

6. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos, hendaklah mengisi dengan lengkap dan betul serta segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus PRK Parlimen P.186 Sandakan sebelum jam 5.00 petang pada Hari Mengundi iaitu pada 11 Mei 2019 (Sabtu).

7. Pengundi juga diingatkan agar tidak merakam gambar kertas undi pos dan menulkarkannya di laman media sosial. Sekiranya perbuatan ini dilakukan, tindakan undang-undang akan diambil dan jika disabitkan serta didapati bersalah boleh dikenakan hukuman sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 28 April 2019 / 22 Sya'aban 1440H